

27 JUN 1998

KLIA-Tan Sri

PENGARAH URUSAN KLIAB DIANUGERAH GELARAN TAN SRI

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Jamilus Hussein, Pengarah Urusan KL International Airport Berhad (KLIAB), dianugerah gelaran "Tan Sri" kerana kejayaannya mengetuai pasukan yang menguruskan pembinaan lapangan terbang antarabangsa Malaysia yang baru dan bertaraf dunia itu.

Anugerah itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum beliau mengakhiri ucapannya pada majlis perasmian gilang-gemilang lapangan terbang berharga RM9 bilion itu di Sepang, 50 km selatan dari sini.

Lapangan terbang itu dengan rasminya digelar Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dan dibuka oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Dr Mahathir turut mengucapkan tahniah kepada jurutera, kontraktor, pengurus pembinaan, arkitek dan lain-lain yang telah menyumbang kepada pembinaan lapangan terbang itu.

Semasa mengucapkan tahniah kepada Jamilus, Perdana Menteri menggambarkan beliau sebagai "sudah tentu orang yang paling bertanggungjawab dalam menguruskan pembinaan projek yang kompleks itu."

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada jurutera, kontraktor, pengurus pembinaan, arkitek dan yang lain terhadap sumbangan mereka dalam membina lapangan terbang ini," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak dapat mengumumkan nama-nama yang lain dalam ucapannya kerana senarainya terlalu panjang walaupun sumbangan mereka juga sama penting.

"Saya dengan gembira mengumumkan bahawa untuk sumbangan beliau, Datuk Jamilus telah dianugerahkan pingat Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran "Tan Sri" oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong sempena hari keputeraan baginda yang ke-76 baru-baru ini," kata Dr Mahathir.

Difahamkan ini merupakan kali pertama rakyat Malaysia dianugerahkan gelaran "Tan Sri", satu daripada gelaran tertinggi negara, di luar senarai penerima anugerah yang dikeluarkan pada 6 Jun sempena hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong.

Pada masa itu, Jamilus dianugerahkan pingat Panglima Jasa Negara yang membawa gelaran Datuk.

Jamilus, 54, jurutera sivil terlatih, dipinjamkan kepada KLIAB daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) lima tahun lepas, iaitu di peringkat perancangan pembinaan KLIA yang merupakan projek pembinaan yang terbesar dilaksanakan di Malaysia dalam abad ini.

Dr Mahathir turut menyebut Menteri Kewangan, Menteri Pengangkutan, Menteri Kerja Raya dan Pengerusi Eksekutif KLIAB Tan Sri Clifford Herbert sebagai antara mereka yang memberikan sumbangan penting memastikan kejayaan pembinaan lapangan terbang itu.

-- BERNAMA

AU RHM RON